

Masalah Pendidikan Agama Untuk Kanak-kanak

Bagi seorang pendidik, kanak-kanak itu merupakan perkara pendidikan yang penting sekali. Hal ini menentukan pula bentuk corak kehidupan mashaubah, bahawa, “Kanak-kanak itu ditakdirkan lahir ke dunia bagi mengisi dan memegang peranan dalam kehidupan masyarakat yang akan datang, menggantikan kedudukan orang-orang tua sekarang ini.” Meskipun demikian itu bapa yang memegang peranan dalam kehidupan – sekarang ini menentukan pula bentuk corak kehidupan masyarakat pada masa yang akan datang, melalui faham-faham yang mereka tanamkan di dalam jiwa anak-anak mereka sekarang langsung atau tidak langsung, disengaja atau tidak disengaja.

Oleh: Bahar Idris

Tiap-tiap kanak-kanak itu lahir dalam keadaan suci bersih (menurut fitrah Islam); kedua orang tuanyalah yang menjadikan dia seorang yang beragama Yahudi atau Nasrani atau Majusi.” Demikian maksud sabda Nabi *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam*.

Hadis ini menunjukkan betapa peranan orang tua dalam pendidikan anak-anak mereka, sehingga seolah-olah tangan orang tualah yang menghitam atau putihkan kanak-kanak itu. Kalau orang tua salah atau lalai dalam mendidik anak-anaknya, maka akibatnya yang tidak baik akan menimpa orang tua itu sendiri, kanak-kanak itu, dan juga menimpa masyarakat. Lebih lanjut lagi hadis ini menegaskan juga supaya orang-orang tua itu berhati-hati dan menaruh perhatian yang benar-benar akan pendidikan anak-anak mereka. “Kamu semua menjadi pemimpin, dan masing-masing kamu bertanggungjawab tentang apa yang dipimpinnya.”

Demikian menurut sabda Nabi (S.A.W). Dalam hal itu orang tua menjadi pemimpin anaknya.

Perkembangan soalnya:

Menurut sejarah pendidikan, pada zaman dahulu orang-orang tua itu langsung mendidik anak mereka menurut cita-cita yang mereka idam-idamkan. Lama kelamaan, berhubung dengan kesibukan-kesibukan dan banyaknya pekerjaan, mereka tidak sempat lagi mendidik anak-anak mereka. Kemudian pendidikan anak-anak itu, mereka serahkan dengan penuh kepercayaan kepada orang lain, iaitu guru-guru pendidik. Hal ini berlangsung terutama dalam zaman moden sekarang ini. Walaupun demikian, dengan menyerahkan pendidikan anak-anak kepada guru-guru pendidik yang mereka percayai itu bererti – secara tidak langsung – mereka mendidik anak-anak mereka sendiri. Oleh kerana itu, memilih guru-guru pendidik itu merupakan soal yang penting dan patutlah mendapat perhatian penuh.

Pendidikan itu pada hakikatnya bererti memberi bekal-bekal dan alat-alat kelengkapan kepada kanak-kanak itu bagi menghadapi dan menempuh pergolakan hidup pada masa yang akan datang. Hidup ini berliku-liku dan penuh dengan

kesulitan-kesulitan. Dengan pendidikan itu diharapkan supaya anak-anak boleh memahamkan dan menyelesaikan soal-soal hidup dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap masyarakat, sehingga boleh membawa kebaikan dan kemajuan peradapan dan kebudayaan nusa dan bangsa serta umat manusia seluruhnya.

Ditilik dari erti hakikat ini, menurut pertunjuk Islam, pendidikan itu ada dua macam: Pertama pendidikan jasmani (dalam erti yang luas), dengan ilmu pengetahuan, kepandaian-kepandaian, kecerdasan dan kesihatan badan, sehingga kanak-kanak itu kelak menjadi orang yang mencapai “*bastah fi al-‘ilm wa al-jism*” (otaknya penuh ilmu pengetahuan, badannya sihat dan kuat kerana sukan dan latihan yang teratur). Kedua, pendidikan rohani, dengan memberikan kepada kanak-kanak itu bekalan akhlak budi pekerti yang murni, dan bekalan ilmu dan amalan agama berdasarkan iman dan taqwa kepada Allah-“*fatazawwadū fa inni khayr al-zādi al-taqwā*” (Maka berbekallah, sesungguhnya bekal hidup yang utama sekali ialah bertaqwa kepada Allah). Dengan demikian, kanak-kanak itu menjadi orang yang berbudi.

Dalam hal ini, maka nyatalah bahawa pendidikan agama itu merupakan pendidikan yang mustahak sekali. Siapa mengetahui dengan sebenar-benarnya akan sejarah dan ajaran-ajaran agama Islam dalam segala segi dan lapangannya, tentulah ia akan menyedari bahawa agama Islam itu merupakan satu kekuatan besar yang boleh menggerakkan manusia dalam perjuangan bagi menghadapi dan menguasai segala lapangan kehidupan di dunia ini, sehingga dengan memegang teguh akan pendidikan dan ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya, manusia boleh mencapai kemajuan dan kesempurnaan hidup yang beradab dan berkebudayaan yang tinggi didasarkan atas cita-cita beramal soleh, iman dan taqwa kepada Allah *subhānahu wa ta‘ālā*. Dengan melaksanakan

pendidikan Islam yang sebenar-benarnya, orang-orang akan menjadi manusia yang soleh, berakhlak mulia dan taqwa, di samping menjadi manusia yang terpelajar yang mencapai: *bastah fi ‘ilm wa al-jism*. Hasil pendidikan manakah yang dapat menyamai hasil pendidikan Islam ini?

Tiga Macam Tempat

Oleh kerana itu sudah selayaknya tiap-tiap orang mengambil berat tentang pendidikan agama untuk anak-anaknya, untuk masa depan yang baik bagi mereka, bagi masyarakat bangsa dan negara serta umat manusia.

Tempat-tempat pendidikan agama yang harus diperhatikan ada tiga macam:

(1) Dalam rumahtangga.

Di sini pendidikan agama dapat dimulai ketika kanak-kanak itu berumur 3 tahun (ketika dapat

Pengemar-pengemar syarahan radio tentunya telah mendengar syarahan Datuk Abdul Jalil bin Hassan, Naib Mufti Johor. Syarahan beliau hebat dan berisi. Bacalah syarahan beliau mengenai tiga perkara:

Tiga serumpun

Mengenai hijrah

mengenai tauhid

dan

binaan kaedah Islam

Tiga syarahan di dalam sebuah buku **serial syarahan 1** yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskah 40 sen pos 10 sen.

berkata-kata dengan terang) sampai kanak-kanak itu menjadi anak muda. Pendidikan itu misalnya dengan mengajar mereka menyebut nama Allah, kemudian – bertingkat-tingkat menurut umur – mereka mereka diajar menghafaz doa-doa ketika bangun dari tidur, dan sebagainya, menghafaz ayat-ayat Quran yang pendek-pendek, diberi kisah Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul atau cerita-cerita sederhana yang mengandungi didikan dan ajaran agama, dan sebagainya; kemudian ketika berumur 7 tahun mulai dilatih mengerjakan sembahyang dan sebagainya. Setelah kanak-kanak itu menjadi anak muda dewasa, sekalipun sudah berumah tangga, orang tuanya itu tetap masih mempunyai tanggungjawab untuk memberikan didikan agama kepada anak-anaknya. Misalnya memperingatkan, atau tegasnya menegur anak-anaknya itu jika mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang melalaikan atau melanggar ajaran-ajaran agama Islam; tentu sahaja dengan cara yang baik dan bijaksana. Orang tua yang bertanggungjawab tentu akan memanggil guru pendidikan agama untuk mengajar anak-anaknya di dalam rumahtangganya sendiri. Jika ditempat lain mereka tidak mendapat pendidikan agama, (atau ia sendiri tidak ada waktu hendak mengajar anak-anaknya dengan pelajaran agama).

Dalam hal ini, orang tua hendaknya menyedari bahawa anak-anaknya yang berumur antara 3 tahun dengan 13-14 tahun itu mudah sekali dimasuki didikan dan pengajaran agama, dan makin dewasa makin sukar dan sukar sekali jika tidak mempunyai dasar semenjak dari kecil. Oleh kerana itu masa anak-anak itu hendaklah digunakan dengan bersungguh-sungguh oleh orang tuanya.

(2) Di sekolah

Di sana ada dua macam sekolah: Pertama, sekolah-sekolah yang khas memberikan pendidikan dan pengajaran agama (biasanya disebut madrasah, sekolah agama); kedua,

sekolah-sekolah yang tidak demikian, tetapi memberikan juga pendidikan agama.

Kedua-dua macam sekolah inilah yang patut mendapat perhatian ibu bapa jika mereka merasa bertanggungjawab atas pendidikan agama anak-anak mereka. Di salah satu dari kedua macam sekolah inilah anak-anak itu harus dimasukkan supaya boleh menerima pendidikan agama (di samping pendidikan jasmani itu).

Selain kedua macam sekolah-sekolah tersebut, masih ada dua macam sekolah lagi: Pertama, sekolah-sekolah yang sama sekali tidak memberikan pendidikan agama; kedua, sekolah-sekolah yang memberikan pendidikan “agama lain” (bukan agama Islam). Ibu bapa yang beragama Islam sudah semestinya jangan menyerahkan pendidikan anak-anak mereka kepada kedua jenis sekolah tersebut.

Akhirnya banyak ibu bapa yang menyesal atau seharusnya patut menyesal, kerana anak-anak mereka setelah dewasa dan menjadi orang terpelajar, sudah tidak menjalankan ajaran agama lagi.

Selain daripada itu, adalah diharapkan supaya sekolah yang memberikan pendidikan agama itu pula, berusaha dengan bersungguh-sungguh menanamkan pendidikan agama dalam jiwa pelajar-pelajar, dalam erti kata yang sebenar-benarnya, sehingga agama itu menjadi darah dagingnya.

(3) Di dalam lingkungan masyarakat.

Di sini pendidikan agama diberikan terutama di surau-surau, di masjid-masjid dan tempat-tempat lain yang di dalamnya diadakan pengajian-pengajian dan tabligh-tabligh. Sudah sepatutnya ibu bapa menyuruh anak-anak mereka memasuki salah satu perkumpulan mengaji itu. Patut disedari bahawa pergaulan yang baik itu boleh membantu ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka, dan sebaliknya pula hasil pergaulan yang buruk, iaitu akan menghancurkan



Sebahagian dari pelajar-pelajar puteri "*Al-Ihyā' al-Sharīf*" Perak, yang telah berjaya dalam bahagian riāḍah, bergambar dengan hadiah-hadiahnya yang terletak di atas meja.

pendidikan yang baik yang telah diberikan dengan bersusah payah kepada anak-anak mereka.

Hasilnya

Jika ibu bapa mengambil berat dengan bersungguh-sungguh akan pendidikan agama anak-anak mereka. Baik di dalam rumah tangga, di sekolah-sekolah, mahu pun di dalam lingkungan masyarakat, sudah barang tentu anak-anak itu kelak akan menjadi manusia yang berbakti kepada ibu bapa, berjasa kepada tanah air dan bangsa, serta mulia pula akhlaknyanya dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Ia akan menjadi "*al-insān al-kāmil*" (manusia yang lengkap sempurna).

Ringkasnya, ibu bapa dengan usahanya itu, bermakna telah turut dengan cergasnya: menyusun masyarakat baharu, dan memelihara serta memajukan perkembangan agama Islam untuk menghadapi masa yang akan datang.

Apa lagi Nabi (S.A.W) telah memberi penjelasan yang terang

tentang ini, maksudnya:

"Apabila mati anak Adam maka terputuslan amalnya melainkan tiga perkara: amal jariah, atau ilmu pengetahuan yang berfaedah (kepada masyarakat), atau anak yang soleh yang berdoa untuknya."

Alangkah beruntung dan berbahagianya, jika seseorang mempunyai anak yang soleh, yang baik akhlaknyanya, yang taqwa dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya, dan yang teguh beragama di samping menjadi orang terpelajar! Sebab anak inilah yang terus mengirinkan pahala bagi ibu bapanya, dengan perantaraan doanya ke hadrat Allah '*azza wa jalla*, meskipun ibu bapanya sudah lama meninggal dunia.

-Dari "Hikmah".